

Konseksi: Elakkan ditipu negara kaya

Daripada KHALID MOHD dan ZULKEFLI HAMZAH

UM 24/10/03
DILI 23 Okt. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan negara-negara kecil seperti Timor Leste yang mempunyai sumber minyak dan gas supaya berhati-hati semasa melakukan rundingan konseksi dengan negara kaya untuk mengelakkan ditipu.

Memetik nasihat orang tua jika membeli kuda harus turut melihat giginya, beliau berkata, semua perjanjian harus diteliti sebagaimana pengalaman lalu Malaysia yang mendapati perjanjian perkongsian pengeluaran berat sebelah kepada pemegang konseksi.

“Sebab itu kita terpaksa memberi ingatan kepada negara-negara lain supaya berhati-hati kerana walaupun cakupannya manis, kita tidak boleh bergantung kepada muka dan cakap manis sahaja, kita perlu periksa,” katanya pada sidang akhbar bersama pada akhir lawatannya ke Timor Leste di sini hari ini.

Dr. Mahathir ditanya mengenai kebiasaan negara kaya mengongkong negara miskin dan dalam kes Timor Leste yang sedang melakukan rundingan dengan Australia, yang kini menguasai penerokaan sumber minyak dan gas negara ini kerana ia dikatakan berat sebelah.

Dalam ucapannya di Parlimen Timor Leste hari ini, Dr. Mahathir telah menceritakan pengalaman lalu bagaimana negara kaya yang mengamalkan pemerintahan demokrasi se-

lama bertahun-tahun telah menipu negara miskin dengan membayar kurang daripada AS\$1 untuk satu tong minyak.

Katanya, jika tanpa penglibatan Pertubuhan Negara-Negara Pengeksport Minyak (OPEC) harga minyak tidak akan mencapai AS\$25 satu tong seperti dinikmati sekarang.

Pada masa sekarang pun, kata Perdana Menteri, walaupun negara kaya minyak sudah bijak melakukan rundingan konseksi tetapi masih terdapat kemungkinan mereka akan ditipu.

Menjelaskan mengenai perkara itu, Dr. Mahathir pada sidang akhbar berkenaan menyatakan apa juga pendapat yang diberikan ia terpujang kepada Timor Leste untuk menerima atau menolaknya.

“Kita sebagai jiran mempunyai hasrat baik untuk memperkayakan jiran. Ini adalah satu daripada falsafah Malaysia untuk memakmurkan jirannya,” tambah beliau.

Ditanya apakah kenyataannya semasa berucap mengenai minyak dan gas di Parlimen Timor Leste hari ini merujuk Australia, Perdana Menteri berkata, siapa yang makan cili akan terasa pedasnya.

Dr. Mahathir turut menekankan bahawa kehadiran syarikat minyak negara, Petronas bersama rombongannya ke Timor Leste bukan bertujuan mengambil sumber minyak dan gas di negara ini untuk kepentingan sendiri.

Katanya, kehadiran Petronas untuk memberi khidmat nasihat khususnya tentang bagaimana melaku-

kan rundingan dengan syarikat antarabangsa berdasarkan pengalaman Malaysia.

Mengenai cara terbaik untuk negara ini menghadapi globalisasi, Perdana Menteri berkata, Timor Leste perlu bekerjasama dengan negara-negara membangun lainnya kerana jika bersendirian ia mungkin sukar untuk menangkis sebarang tekanan.

Dr. Mahathir berkata, kunjungannya bersama delegasi besar ke Timor Leste adalah untuk mengenali negara ini dan meninjau bidang-bidang yang kedua-dua negara boleh bekerjasama.

Tambahnya, tidak lama dahulu suasana di Timor Leste sama dengan apa yang dialami oleh Malaysia dan dengan pengalaman dan kenangan lalu itu, ia boleh dijadikan contoh untuk proses pembangunan di negara ini.

Sementara itu Perdana Menteri Timor Leste, Mari Alkatiri menyatakan penghargaan terhadap kepimpinan Dr. Mahathir yang berjaya mengubah Malaysia daripada negara miskin menjadi antara yang kaya dalam negara dunia ketiga.

“Timor Leste didominasi oleh penganut agama Kristian manakala Malaysia majoritinya beragama Islam tetapi kedua-dua negara boleh menjalin hubungan dan kerjasama.

“Ini jelas menunjukkan bahawa Dr. Mahathir dan Malaysia ikhlas membangun hubungan dengan Timor Leste tanpa diskriminasi. Sebab itu saya fikir beliau merupakan contoh kepada dunia,” katanya lagi.

— Utusan